

Tunku Ismail turut melakukan lawatan ke SMK Tanjung Adang yang mempunyai seramai 200 pelajar dan kawasan sekolah berkenaan terletak berhampiran dengan kawasan kebakaran.

Kebakaran hutan merebak sehingga seluas 98 hektar dipercayai akibat cuaca panas dan kering yang melanda negeri ini.



TUNKU Ismail Ibrahim meninjau lokasi kebakaran hutan di Jalan Tanjung Kupang, Kampung Pekajang, Gelang Patah. - Foto Ihsan Royal Press Johor

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia negeri, Dzulkefly Ahmad, berkata Kerajaan Johor tidak menolak kemungkinan akan melakukan proses pembenihan awan jika kebakaran hutan masih tidak dapat dikawal berikutan cuaca kering dan berangin.

Katanya, beliau masih meneliti maklumat Jabatan Meteorologi sebelum bertemu dengan Menteri Besar bagi memutuskan sama ada tindakan pembenihan awan akan dilakukan.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Kota Iskandar, berkata hingga semalam, seramai 70 anggota bomba dari 10 balai berhampiran dikerah ke lokasi selain turut mendapat bantuan 15 anggota Bomba Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP).